

# Ahli perniagaan berkongsi pengalaman Dr. Mahathir

MANILA 5 Okt. - Pemimpin kerajaan dan ahli perniagaan di Filipina memenuhi dewan sebuah hotel di sini hari ini untuk berkongsi pengalaman Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai kejayaan menggunakan sektor perniagaan bagi meningkatkan kedudukan sosial dan ekonomi Malaysia.

Dalam lawatan pertamanya ke Filipina sejak melepaskan jawatan Perdana Menteri Oktober tahun lalu, Dr. Mahathir menyatakan kunci

kejayaannya adalah membenarkan golongan kaya menjalankan perniagaan dan membantu golongan miskin menyaingi mereka.

"Seseorang yang miskin dalam masyarakat miskin tidak boleh menjadi kaya dengan menjual (barangan) kepada orang miskin," katanya pada Persidangan Perniagaan Filipina ke-30.

"Tetapi seorang miskin dalam masyarakat kaya boleh menjadi kaya dengan menjual kepada orang kaya."

Mesej Dr. Mahathir itu membawa pengertian besar bagi negara ini yang mempunyai segelintir elit yang sangat berpengaruh manakala kira-kira sepertiga daripada 82 juta penduduknya hidup dengan pendapatan AS\$1 hingga AS\$2 (RM3.8 hingga RM7.6) sehari.

"Kami sangat mengagumi beliau dan kami ingin mendapat beberapa panduan daripada beliau mengenai cara untuk mengukuhkan ekonomi kami sendiri," kata peng-

anjur persidangan, Alegria Limjoco kepada *Reuters*.

"Semua tokoh industri hadir untuk mendengar ucapan beliau."

Bekas Presiden Fidel Ramos menyertai kira-kira 1 200 pemimpin perniagaan dan kerajaan dalam persidangan itu.

Hubungan perdagangan antara kedua-dua negara melonjak semasa pemerintahan Ramos dari 1992 hingga 1998.

Dr. Mahathir bercakap tentang usaha Malaysia untuk mengimbangi penguasaan ekonomi masyarakat Cina dan India bagi menangani rusuhan kaum pada hujung 1960-an.

"Memang diakui terdapat jurang yang luas antara kepentingan orang Melayu dengan orang Cina tetapi jurang itu kurang daripada dahulu dan dengan itu lebih mudah diterima," kata Dr. Mahathir. — *Reuters*



PRESIDEN Filipina, Gloria Macapagal Arroyo menyambut ketibaan bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamed di Istana Malacanang di Manila, semalam. — Gambar AP